

DEDIKASI

Titipan khas buat ayahandaku yang telah mendidikku sejak dari kecil hingga dewasa, bahawa seseorang itu hidup adalah untuk berbakti, untuk berusaha demi membina sebuah kehidupan yang diredhai,

Teristimewa buat bondaku yang mendidikku bahawa jadilah seperti air yang mengalir, sanggup berkorban dirinya untuk kepentingan kehidupan sekitarnya, walaupun dirinya akan tetap terkorban, walaupun dirinya akan tetap berhadapan dengan ujian, namun dirinya jua yang akan menjadi sesuatu yang berharga buat kehidupan sekelilingnya sampai bila- bila,

Kepada guru- guruku yang telah mewakafkan ilmu kepadaku, yang telah mencurahkan kepadaku ilmu, ilmu tentang bagaimanakah caranya untuk mencari kebenaran tentang kehidupan dan bagaimanakah caranya mencari kehidupan dalam kebenaran,

Teristimewa juga buat isteriku yang telah mengajarkan kepadaku bahawa kehidupan ini adalah cinta mencintai di antara satu sama lain, dan cinta itu adalah kehidupan, dan cinta itu adalah sesuatu yang indah untuk dihayati,

Kepada permata hati sumber ilhamku, kehidupan itu tidak sentiasa muda dan keremajaannya pasti akan pergi satu hari kelak tanpa diminta, tanpa dipaksa, walaupun tanpa rela diri kita, namun keremajaan diri kita ini pasti akan pergi jua,

Kepada semua yang pernah mengajarkan kepadaku tentang ilmu kehidupan di sepanjang hayat ini, jasa kalian mematangkanku dalam mencari erti kehidupan di dunia ini buat bekalan untuk hari kemudian.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji-pujian dan kesyukuran dirafakkan serta dipanjatkan kepada Allah s.w.t yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Selawat dan salam ke atas junjungan besar nabi Muhammad s.a.w, dan kaum keluarganya, dan kepada seluruh para sahabat baginda yang telah berjuang dengan harta dan nyawa, demi mengangkat martabat agama Islam yang tercinta dan para ulama' yang berkorban demi menyebarkan agama Islam, syiar Islam dan ilmu pengetahuan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih daripada penulis kepada guru dan penyelia disertasi ini, Profesor Madya Dr. Ali bin Muhammad yang telah banyak mengajar, membimbing dan memberi pengalaman yang tidak ternilai kepada penulis sepanjang kursus dan penulisan disertasi ini. Semoga Allah melimpahkannikmatkesihatan yang berpanjangan agar jasad dapat dirasai oleh kami dan generasi selepas ini.

Penulis juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada guru-guru yang telah banyak memberikan teguran, nasihat dan idea kepada penulis semasa mengikuti kursus Sarjana Usuluddin dan di antara mereka ialah Ustaz Faisal@Ahmad Faisal bin Abdul Hamid, Dr Ahmad Zaki bin Ibrahim, Dr Roslan bin Mohd Noor dan juga Ustazah Norhayati Haji Hamzah. Begitu juga kakitangan akademik dan sokongan di Akademi Pengajian Islam terutama di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam yang telah banyak memberi komitmen serta pertolongan yang diperlukan kepada penulis sepanjang kursus sehinggalah disertasi ini dapat disiapkan.

Penulis juga tidak lupa ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada sahabat-sahabat dan juga anak murid almarhum Dato' Syeikh Abdul Halim bin Haji Othman yang telah banyak membantu penulis dengan memberi maklumat yang diperlukan serta meminjamkan kepada penulis buku-buku karangan beliau sertagambar-gambar kenangan almarhum. Ucapan terima kasih ini penulis tujukan buat Tan Sri Khalid Abdullah, Allahyarham Dato' Muhamad Ismail bin Saleh, Dato' Haji Harun bin Haji Mohd Hashim, Dato' Haji Wan Shamsudin bin Mohd Yusuf, Sahibus Samahah Dato' Paduka Syeikh Abdul Majid bin Mohd Noor, Dato' Syeikh Ghazali bin Yaacob, Sahibus Samahah Dato' Syeikh Muhamad Baderuddin bin Haji Ahmad, Tuan Guru Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman, Tuan Guru Haji Ali bin Ahmad, Haji Mohd Jamil bin Haji Abdullah, dan Tuan Haji Ishak bin Othman.

Teristimewanya untuk kedua ayah dan ibuku, terima kasih yang tidak terhingga di atas segala pengorbananmu, segala jerit perihmu untuk mendidikku demi mencapai kejayaan di persada ilmu pengetahuan dan kejayaan di puncak keilmuan, terima kasih sekali lagi wahai ayah dan ibuku Ku Mohd Saad bin Ku Taib dan juga Kamariah binti Din. Hanyadoadan juga restumu jua yang ku pinta untuk mengiringi kejayaan anakmu ini.

Teristimewanya juga buat isteriku tercinta, tanpa kekuatan kasih sayangmu, tanpa kekuatan semangat kentalmu dalam memberikan sokongan dan jugadorongan buatku, maka tidaklah kejayaan ini akan dicapai, terima kasih wahai isteriku yang tercinta. Terimakasih di atas doamu.

Akhir sekali buat mereka-mereka yang telah membantu penulis dalam menyiapkan disertasi ini dengan harapan semoga Allah s.w.t akan membalas jasa-jasa andasemua yang sudah pastinya akan dikenang oleh penulis sehingga akhir hayat.

Sekian Wassalam.

Ku Muhamad Asmadi bin Ku Mohd Saad (IGB 080018)

No 11 Jalan DG 1/3,

Desa Gemilang, Sg Pusu Gombak,

53100 Kuala Lumpur.

Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam,

Bahagian Pengajian Usuluddin,

Akademi Pengajian Islam,

Universiti Malaya,

50603 Kuala Lumpur.